

## **SIKAP KESUKAAN DAN KEYAKINAN BELIA UNIVERSITI TERHADAP PENGGUNAAN MULTIMEDIA**

ADENAN AYOB

### ***ABSTRAK***

*Proses transformasi dalam bidang pendidikan memerlukan peralihan yang drastik daripada pengajaran dan pembelajaran bercorak konvensional kepada berteknologi tinggi, iaitu penggunaan multimedia. Transformasi ini telah dicetuskan oleh unsur inovasi dan kreatif dalam penerokaan ilmu pengetahuan yang lebih dinamik. Justeru, penyelidikan ini dilakukan untuk mengkaji hubungan sikap kesukaan dengan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu, selain mengenal pasti faktor-faktornya. Penyelidikan ini membabitkan 500 orang belia universiti; Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Putra Malaysia. Ini membabitkan 250 orang belia universiti bagi setiap universiti telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel dibuat secara rawak bertujuan untuk meninjau sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Kaedah tinjauan berdasarkan soal selidik dan temu bual digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan skor min sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti. Bagi analisis inferensi pula, ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti. Analisis deskriptif bagi kajian kualitatif turut dilakukan dalam mengenal pasti faktor-faktor belia universiti menunjukkan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Faktor-faktor tertentu juga telah dikenal pasti tentang sikap kesukaan dan keyakinan yang ditunjukkan yang majoritinya berkisar kepada faedah dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat tentang ilmu pengetahuan. Hasil kajian ini membuka laluan kepada belia guru dalam trend siber untuk memikirkan konsistensi pemilihan bahan pembelajaran berdasarkan multimedia yang lebih sesuai diguna pakai di dalam bilik darjah, selain bermatlamat ke arah melahirkan generasi belia pelajar di sekolah yang berketerampilan dalam bidang bahasa Melayu.*

**Kata Kunci:** Sikap Kesukaan, Sikap Keyakinan, Multimedia, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

### ***ABSTRACT***

*The transformation process in education requires a drastic shift from the conventional pattern of teaching and learning to high-tech; multimedia. This transformation was*

*triggered by the elements of innovation and creativity in exploring the more dynamic knowledge. Thus, research is conducted to examine the relationship between the attitude of preference with the attitude of confidence in the university that based on multimedia education courses. This research involved 500 students among the youths in the Sultan Idris Education University and Universiti Putra Malaysia. This involves 250 students for each university that were selected as respondents. A random respondent selection aimed to explore among young students' attitudes towards multimedia in Malay courses. The survey method was used in this study using questionnaire based instruments. Descriptive analysis is utilized to describe the mean score. Pearson Correlation test is also used to see if there a significant relationship between those attitudes. The results show a significant relationship between those attitudes towards multimedia in Malay courses. These findings open the way for the youth in the trend of cyber teachers to think about consistency selection of multimedia-based learning materials with more appropriate use in the classroom, as well as the aim to produce a generation of youth in school, who are skilled in field of the Malay language.*

**Keywords:** Attitude of Preference, Attitude of Confidence, Multimedia, Teaching and Learning Malay

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan belia pendidik dalam era ini sedang mengalami proses transformasi, iaitu peralihan daripada ‘konteks perindustrian’ kepada ‘konteks maklumat’. Transformasi ini telah dipercepat oleh kemaraan dan kepopularan multimedia yang bercirikan inovasi dan kreatif dalam bidang pendidikan. Proses ini dianggap peralihan daripada ‘dunia konvensional’ kepada ‘dunia digital’ yang berasaskan aplikasi multimedia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Atas kepentingan hakikat tersebut, maka unjuran kerajaan Malaysia telah menetapkan pembangunan belia adalah seiring dengan aspirasi untuk melonjakkan kebestarian bidang pendidikan negara (Neo & Rafi, 2007). Ini bermakna bahawa prinsip pembangunan belia dalam bidang pendidikan mesti selari dengan hasrat untuk melahirkan generasi pendidik yang mapan dengan berteraskan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Neo dan Rafi (2007), aspirasi ini juga merupakan satu perubahan yang besar terhadap sistem pendidikan negara serta turut selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara paling maju menjelang tahun 2020.

Implikasi daripada hasrat murni tersebut menunjukkan bahawa penubuhan pelbagai institusi pendidikan yang berhalatujukan perkembangan pengajaran dan pembelajaran di universiti banyak memberikan perkhidmatan ke arah menjayakan hasrat berkenaan. Usaha pelbagai pihak, khususnya oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pelajaran mampu mempertingkatkan penguasaan kemahiran belia dalam penggunaan multimedia (Neo & Rafi, 2007). Langkah ini wajar dijadikan bukti kukuh bahawa manfaat

pendidikan amat penting dan banyak memaparkan pembangunan insan dalam kalangan belia terpelajar serta mempunyai serba-serbi kebolehan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Dalam bidang pendidikan secara umumnya, ternyata multimedia telah menyumbang kepada banyak faedah penggunaan. Dalam hal ini, faedah penggunaan multimedia dapat dilaksanakan dalam tiga aspek utama, iaitu sebagai bahan bantu mengajar, media pengajaran dan pembelajaran dan kemudahan pengurusan maklumat. Ketiga-tiga aspek digembangkan bersama untuk menginjakkan sesuatu hasil yang cukup berkesan dalam merealisasikan aplikasi bahan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan maklumat pengajaran dan pembelajaran yang bijak, sistematik, cekap dan teratur.

Penggunaan serta pemahaman terhadap aspek multimedia wajar dipandang dari sudut yang positif oleh semua golongan belia yang terdiri daripada pelajar-pelajar di universiti yang akan lahir sebagai guru-guru di sekolah. Sebenarnya, Malaysia mampu menjadi peneraju dalam bidang multimedia jika golongan belia pendidik berganding bahu menjayakan matlamat tersebut. Justeru, semua belia universiti wajar melibatkan diri secara agresif untuk menguasai multimedia demi memastikan bidang pendidikan negara tidak akan ketinggalan, malah menjadi lebih kompetitif di arena antarabangsa.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Penggunaan multimedia dalam pembelajaran merupakan langkah perlu yang berasaskan aplikasi berteknologi tinggi ke arah mentransformasikan teknologi pendidikan dalam kalangan bakal-bakal guru yang terdiri daripada belia-belia di universiti khususnya. Usaha ini bertujuan meningkatkan keupayaan bakal-bakal guru dalam usia belia untuk memastikan kesinambungan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kelak adalah lebih bermanfaat demi melonjukkan ilmu pengetahuan (Al-Mikhafi, 2006). Langkah ini turut mempunyai kesejajaran dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru serta masalah. Selain itu, langkah ini merupakan perubahan dalam paradigma positif yang sememangnya wajar dijana oleh kalangan belia yang terdiri daripada bakal-bakal guru untuk memastikan manfaat penggunaan multimedia dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang mengkhusus kepada penerokaan ilmu pengetahuan secara lebih dinamik. Kajian-kajian yang telah dilakukan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa penggunaan komputer masih menjadi matlamat eksklusif bagi kebanyakan belia di universiti yang mengambil kursus-kursus pendidikan bahasa (Fletcher, 2003).

Di sebalik pernyataan di atas pula, wujud fenomena yang bercanggah tentang sikap belia kolej dalam kursus-kursus pendidikan bahasa berdasarkan penggunaan komputer dan teknologi maklumat (Havice, 1999). Ini dapat dirumuskan dalam fenomena berikut:

*“while the real world uses multimedia to move forward, educators too often look studiously backward”.*

Macaulay (2002) pula mengungkap bahawa sikap kesukaan dan keyakinan belia kolej terhadap penggunaan komputer adalah penting untuk mempengaruhi usaha dalam pembelajaran. Sikap-sikap seperti itu yang ditakrifkan oleh Macaulay sebagai:

*“to generate cognitive, behavioral intentions and past behaviors and can also influence an active responses and future intuitions and behaviors.”*

Macaulay (2002), sikap kesukaan dan keyakinan merupakan perkara paling asas yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan usaha untuk belajar menerusi komputer. Tujuannya bukan sahaja tertakluk kepada usaha mempengaruhi penerimaan awal mereka terhadap penggunaan komputer, tetapi juga berupaya ke arah pembentukan maklumat pengetahuan dalam pembelajaran. Daripada pendapat Mayer (1993), kewujudan komputer semata-mata tidak dapat menjamin integrasi teknologi maklumat dalam pendidikan bahasa secara berkesan tanpa mengambil kira sikap kesukaan dan keyakinan belia dalam penggunaan teknologi pendidikan secara umumnya.

Menurut dua orang sarjana pendidikan, iaitu Shiung dan Ling (2005), sikap kesukaan dan keyakinan mempunyai justifikasi yang signifikan terhadap pembudayaan pembelajaran berasaskan komputer dan teknologi maklumat. Menurut mereka, sikap kesukaan dan keyakinan mampu menyuntik kecenderungan seseorang pelajar untuk menggarab idea dengan lebih tepat dan jitu dalam pembelajaran.

Justeru, pengkaji mengambil kira pandangan-pandangan di atas untuk kajian yang berkesinambungan. Kajian ini cuba pula untuk mengenal pasti sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Kajian ini juga cuba untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menunjukkan belia universiti mempunyai sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang telah digubal kajian ini. Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Objektif-objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

- i. Mengenal pasti skor sikap kesukaan dan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

- ii. Mengenal pasti hubungan sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor belia universiti menunjukkan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

### **SOALAN KAJIAN**

Soalan-soalan kajian ini telah digubal berdasarkan objektif-objektif khusus yang dirangka. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah skor min skor sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?
- iii. Mengapakah belia universiti menunjukkan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?

### **HIPOTESIS KAJIAN**

Daripada objektif-objektif khusus dan soalan-soalan kajian, hipotesis kajian ini dipaparkan dalam bentuk Hipotesis Nol ( $H_0$ ). Kepentingan hipotesis kajian ini adalah menguji kebenaran sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun sebaliknya antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Aras signifikan yang digunakan untuk menguji hipotesis kajian ini ialah  $p < 0.05$ . Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini berkepentingan dalam membantu bakal-bakal guru dalam kalangan belia untuk menyemai sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Belia-belia guru yang bakal mengajar di

sekolah-sekolah juga dapat menilai sikap masing-masing dalam penggunaan multimedia sebagai medium penyampai maklumat yang berkesan.

Kajian ini juga berkepentingan dalam memberikan manfaat yang khusus kepada usaha pembangunan belia dalam meningkatkan pencapaian bakal-bakal guru dalam menerokai penggunaan bidang multimedia secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran. Daripada kajian ini juga diharapkan pihak universiti dapat mengkaji semula sukanan pengajaran dan pembelajaran multimedia supaya lebih khusus difokuskan kepada penggunaan elemen teks, grafik, audio dan animasi, termasuk video. Kajian ini juga diharapkan dapat melahirkan guru-guru baharu berusia belia yang berpengetahuan tinggi dalam bidang multimedia semasa menyediakan bahan pengajaran masing-masing kelak.

Kajian ini turut menyokong usaha pihak Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran dalam mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran pada peringkat sekolah menengah dan rendah supaya lebih bersifat digital dan maya. Ini dapat melatih para belia di universiti dari peringkat akar umbi dalam mengenal potensi diri tentang kekreatifan pengajaran dan pembelajaran. Seharusnya langkah ini terus dipupuk hingga ke peringkat lebih tinggi kerana pemikiran yang kreatif dapat menghasilkan sesuatu yang unik dan tinggi nilainya.

Penggunaan multimedia semakin penting dalam menjana dan memperkembang idea dan kreativiti para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian telah dijalankan mengenai sikap terhadap multimedia dalam kalangan guru-guru pelatih. Impaknya, guru mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran, selain mengeksplorasi peranan guru yang lebih dinamik dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penggunaan multimedia di dalam bilik darjah.

Sikap terhadap multimedia adalah satu daripada tiga faktor yang menyumbang kepada penerimaan guru-guru terhadap penggunaannya. Ini termasuk ciri-ciri multimedia dan dasar-dasar kritikal yang penting untuk penerimaan penggunaannya. Sikap yang positif adalah penting untuk mendorong seseorang belajar dengan cara akses kendiri. Sikap terhadap penggunaan multimedia merupakan cara terbaik untuk menjangka dan meramalkan komitmen terhadap penggunaannya. Guru menggunakan multimedia untuk menghasilkan penyampaian yang lebih menarik dan berkesan, menguruskan para pelajar di dalam bilik darjah dengan cekap dan memudahkan komunikasi. Oleh itu, dapat dirumuskan pendedahan awal terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran boleh memberikan impak yang positif terhadap pembentukan sikap para guru yang berusia belia.

## **DEFINISI OPERASIONAL**

### ***Sikap Kesukaan dan Keyakinan***

Sikap kesukaan dan keyakinan merupakan satu perasaan atau pandangan terhadap sesuatu objek atau situasi yang akan mempengaruhi perbuatan seseorang terhadap sesuatu objek atau situasi tersebut. Menurut Fishbein dan Ajzen (1975), sikap asas dinilai kepada kesukaan dan keyakinan dalam mempelajari sesuatu. Sikap kesukaan dan keyakinan menjurus kepada usaha menguasai sesuatu ilmu pengetahuan dan mengembangkannya (Bagui, 1998). Sikap terhadap penggunaan multimedia dalam kajian ini dirujuk kepada kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, sikap kesukaan dan keyakinan dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

### ***Multimedia***

Multimedia wujud daripada perkataan asas, iaitu multi yang bermaksud pelbagai. Justeru, Mayer (2002) mendefinisikan multimedia sebagai pelbagai media; teks, grafik, animasi, audio dan video. Multimedia ialah medium untuk menyampaikan atau membuat sesuatu, perantaraan, alat pengantar dan satu bentuk komunikasi massa (Neo & Rafi, 2007).

Jika dikaitkan dengan pemprosesan multimedia, medium dianggap sebagai alat pengagihan dan persempahan maklumat. Ini melibatkan teks, imej, grafik, suara, muzik dan sebagainya (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2003).

Multimedia juga bertindak sebagai sistem. Sistem merupakan satu teknologi yang menggabungkan pelbagai sumber seperti teks, grafik, bunyi, animasi, video dan sebagainya yang menunjukkan maklumat disampaikan dan dikawal oleh sistem komputer secara interaktif. Pernyataan daripada Tan Lay Hong dan Peggy Leong (2003) menunjukkan:

*“Multimedia is the use of a computer to present and combine text, graphics, audio and video with links and tools that let the user navigate, interact, create and communicate”.*

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini membataskan aspek sikap kepada dimensi kesukaan dan keyakinan. Aspek multimedia pula dibataskan kepada empat elemen paling asas atau utama, iaitu teks, grafik, audio dan animasi berdasarkan perantaraan komputer dan teknologi maklumat.

Kajian ini juga melibatkan sampel yang terdiri daripada belia universiti di UPSI dan UPM. Belia universiti yang terlibat mempunyai kesetaraan dari segi pengalaman dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu dan telah melalui kursus multimedia dalam pengajaran. Fokus kajian ini adalah untuk meninjau sama

ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

Batasan kajian ini turut mengambil kira kesungguhan belia universiti untuk memberikan respons terhadap soal selidik berdasarkan dimensi-dimensi sikap berkenaan. Komitmen belia-belia universiti diutamakan oleh pengkaji untuk memastikan penglibatan dalam kajian adalah memanfaatkan mereka. Kesannya bukan sahaja bergantung pada komitmen dan kesungguhan dalam menjawab soal selidik, tetapi pada setiap masa mereka akan sentiasa dikaji demi menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan tinggi (Neo & Rafi, 2007) terhadap sesuatu yang dilalui dalam kursus-kursus.

## SOROTAN LITERATUR

### ***Konsep Multimedia***

Penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan secara langsung dengan konsep penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Penggunaan multimedia memainkan peranan bagi meningkatkan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan dan latihan, peningkatan keberkesanannya dapat diperhatikan dari manifestasi berikut (Bagui, 1998):

- i. Peningkatan kualiti pembelajaran dan tahap penguasaan pelajar.
- ii. Mengurangkan waktu yang digunakan oleh pelajar untuk mencapai seuatu tujuan.
- iii. Mengurangkan kos tanpa menjejaskan kualiti.
- iv. Meningkatkan sikap suka dan yakin dalam melaksanakan program pendidikan dan latihan.

Al-Mikhlaifi (2006) pula memetik beberapa definisi multimedia. Ini dipaparkan seperti berikut:

- i. Multimedia ialah perkembangan, aplikasi dan penilaian terhadap sistem, teknik dan alat bantuan bagi meningkatkan proses pembelajaran.
- ii. Multimedia ialah aplikasi bagi pengetahuan saintifik tentang pembelajaran dan keadaan pembelajaran bagi meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan pengajaran dan latihan. Dalam ketidaaan prinsip-prinsip saintifik yang telah diketahui, multimedia mengamalkan teknik-teknik berdasarkan ujian pengalaman bagi meningkatkan suasana pembelajaran ke arah yang lebih kondusif.

- iii. Multimedia ialah satu cara yang sistematik bagi mereka bentuk, melaksana dan menilai keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran dari segi objektif khusus berdasarkan penyelidikan dalam pembelajaran serta komunikasi dan p e n g g a b u n k a n sumber manusia dan sumber bukan manusia ke arah pengajaran yang lebih berkesan.

Ketiga-tiga definisi tersebut memberikan penekanan terhadap peranan utama multimedia, iaitu untuk meningkatkan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian terhadap kecekapan dan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah berasaskan bukti-buktinya yang diperoleh dalam penyelidikan terhadap proses pembelajaran. Setiap definisi di atas cuba menghuraikan peranan multimedia yang melibatkan pendekatan sistem berputar kepada mereka bentuk situasi atau proses pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan apa-apa sahaja kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencapai objektif yang diingini (Fletcher, 2003). Definisi berkenaan juga memberikan penekanan kepada pengujian dan penilaian.

Sebagai satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berasaskan peranan individu, penggunaan multimedia dalam pendidikan mempunyai beberapa kekuatan dan juga kelemahan yang tersendiri. Antara kekuatan dan kebaikan pembelajaran berasaskan multimedia ialah (Fletcher, 2003):

*Multimedia dapat merangkumkan objektif pembelajaran yang luas dapat melakukan kerja mengikut tahap kebolehan masing-masing. Pendekatan interaktif dalam pembelajaran membolehkan pembelajaran dilakukan sendiri serta mendapat maklum balas segera. Membolehkan simulasi pengalaman pembelajaran secara terus dilakukan.*

### ***Teori Sikap terhadap Multimedia***

Sikap telah dikenal pasti sebagai petunjuk ramalan yang penting bagi perbezaan antara individu dalam aplikasi pendidikan, pembelajaran dan pencapaian (Fishbein & Ajzen, 1975). Kajian mengenai sikap telah menjadi suatu kecenderungan utama para ahli psikologi pendidikan. Para pendidik pula memberikan perhatian yang serius terhadap sikap kerana impaknya kepada pembelajaran. Walaupun tidak diyakini sepenuhnya bahawa setiap sikap mempunyai hubungan langsung dalam pembelajaran, namun sikap telah dianggap sebagai suatu komponen yang penting kepada pengajaran yang berkesan (Havice, 1999). Pengukuran sikap telah digunakan dalam memantau sesuatu pembelajaran (Hede & Hede, 2002).

Dalam membuat pengukuran terhadap hubungan antara sesuatu sikap dengan sesuatu sikap yang lain, terdapat beberapa aliran pemikiran utama yang memberikan takrifan dan konsep yang berbeza-beza. Aliran pertama diwakili oleh Hede dan Hede, (2002), manakala aliran kedua pula yang dipelopori oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Mereka menegaskan bahawa pengukuran dalam hubungan sikap

seharusnya bertumpu kepada domain afektif dan ditentukan oleh kepercayaan seseorang terhadap objek sikap tersebut. Sikap juga dikatakan mempunyai hubungan dengan gabungan semua kepercayaan seseorang terhadap sesuatu objek. Sikap juga berhubungan dengan niat atau keinginan untuk melakukan berbagai-bagai tingkah laku berkaitan dengan kepercayaan terhadap objek tersebut (Mayer & Sims, 1994). Menurut Mayer dan Sims, sikap akan mempengaruhi pula pembentukan kepercayaan-kepercayaan baru dan sebaliknya pembentukan kepercayaan dan tingkah laku baru pula akan mempengaruhi sikap yang terbentuk.

### ***Penggunaan Multimedia dalam Pendidikan***

Latar belakang penggunaan multimedia dalam pendidikan kembali kepada penyelidikan yang telah dilakukan terhadap mesin pengajaran terprogram atau programmed instruction and teaching machine oleh Al-Mikhafi (2006). Kaedah pengajaran terprogram adalah berasaskan teori behaviorisme dan beberapa kajian telah dilaksanakan terhadapnya bagi menentukan keberkesanannya. Beberapa dapatan kajian yang berkaitan mendapati bahawa pengajaran terprogram hanya dianggap sebagai salah satu alat bantuan mengajar guru dan tidak memberi kesan yang lebih baik terhadap pencapaian pelajar. Ini dianggap sebagai sesuatu yang membosankan dan terlalu simplistik terhadap pembentukan sikap (Fishbein & Ajzen, 1975).

Antara penggunaan multimedia yang awal dalam pendidikan adalah untuk latih tubi dan latihan Matematik dan membaca yang telah diperkenalkan oleh Patrick Suppes dan Richard Atkinson dan Stanford University pada tahun 1963 (Bagui, 1998). Menurut Bagui (1998), walaupun model pengajaran menerusi multimedia yang telah diperkenalkan oleh Suppes dan Atkinson dilaksanakan dalam kerangka utama, namun model tersebut masih lagi digunakan secara pengubahsuaian pada tahun-tahun 1970-an.

Sehingga tahun 1984, kira-kira 75% daripada perisian pendidikan yang dikeluarkan adalah dalam pelbagai bentuk latih tubi dan latihan (Bagui, 1998). Selain itu, multimedia juga digunakan sebagai alat demonstrasi (mod buku teks), permainan pendidikan, simulasi dan kajian kes, penyelesaian masalah, aktiviti kreatif seperti LOGO, aktiviti logik seperti PROLOG dan pekerjaan elektronik (Fishbein & Ajzen, 1975). Menurut mereka, penggunaan multimedia menjadi suatu keperluan dalam bidang pendidikan hari ini yang perlu diseimbangkan dengan jumlah maklumat yang kian bertambah. Pengurusan maklumat-maklumat tersebut berlaku menerusi penggunaan teknik-teknik yang berkeupayaan tinggi dan akan membolehkan pelajar mencapai pengetahuan secara lebih mendalam.

Hasrat yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk membangunkan potensi sebenar pelajar, di samping tujuan-tujuan umum pendidikan untuk menghormati rasa ingin tahu dan memenuhi segala pengharapan dan rasa keterlibatan pelajar serta berusaha untuk menitipkan nilai-nilai ajaran yang lebih bermanfaat (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2003) akan lebih mudah dicapai

menerusi penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir juga, penggunaan kaedah pengajaran secara tradisional digambarkan menerusi pengajaran berpusatkan guru serta penyertaan pelajar yang pasif. Ini seringkali pula dikaitkan dengan subjek-subjek tertentu yang dikatakan terlalu menekankan kaedah ‘chalk and talk’. Hakikatnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik akan memudahkan pencapaian matlamat tersebut (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2003).

Para pelajar yang mengikuti pembelajaran berasaskan multimedia seperti yang dinyatakan oleh Majlis Kebangsaan Guru-guru Amerika Syarikat (Hede & Hede, 2002) akan menjadi lebih aktif, bersikap suka dan yakin, komited dalam penyelesaian masalah, menggunakan pembelajaran untuk meneroka, menjustifikasi, memberikan gambaran, menghurai, membincang, membangun, menyiasat, menyelesaikan dan mampu meramal.

Penggunaan teknologi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga dapat memupuk nilai dan budaya kasih sayang dalam kalangan guru dan pelajar di sebalik kebimbangan yang menyatakan bahawa pembelajaran menggunakan multimedia akan meningkatkan persaingan antara individu dan perasaan individualistik (Hede & Hede, 2002). Hakikat ini dapat direalisasikan kerana dengan berbantuan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru mempunyai lebih banyak peluang untuk memberikan tumpuan kepada memupuk dan membina insan, di samping sama-sama berinteraksi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Fenomena ledakan maklumat yang sedang kita alami memerlukan para pelajar berfikir, belajar dan bertindak secara berbeza daripada apa-apa yang mereka lalui pada masa ini. Mereka bukan sahaja menerima dan mengumpulkan maklumat, tetapi juga harus mampu menganalisis segala maklumat yang diterima secara lebih kritis, kreatif dan membuat penilaian yang matang berdasarkan prinsip-prinsip nilai yang diperoleh daripada pendidikan yang diterima melalui pendidikan secara bersepadu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Secara umumnya, penggunaan multimedia di universiti dapat dikategorikan kepada tiga bahagian utama iaitu; pembelajaran tentang multimedia, penggunaan multimedia untuk menyelenggara dan memproses data serta penggunaan multimedia untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan multimedia membantu proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan memberikan penekanan kepada tiga aspek berikut iaitu: pengaturcaraan, proses pengajaran dan pembelajaran dan utiliti guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Penggunaan multimedia dalam bidang pendidikan di Malaysia adalah sesuatu yang masih baharu, iaitu telah bermula pada tahun 1980-an (Zaidatol Akmaliah, 2005). Konsep pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia pula dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian

pelajar menerusi proses interaktif, mempelbagaikan teknik bagi meningkatkan mutu pendidikan, di samping mendedahkan kredibiliti pelajar (Zaidatol Akmaliah 2005).

### **Kajian tentang Sikap terhadap Multimedia**

Beberapa kajian telah dijalankan sejak dua dekad yang lalu terhadap sikap kalangan guru terhadap penggunaan multimedia dalam pendidikan dan sikap terhadap multimedia dalam kalangan guru pelatih siswazah (Al-Mikhlaifi, 2006). Kajian yang telah dijalankan oleh Mayer (2002) mendapat perubahan sikap yang begitu ketara dan positif dalam kalangan guru terhadap penggunaan multimedia di dalam bilik darjah dan dalam kurikulum.

Kajian yang dijalankan terhadap guru-guru pelatih oleh Shiung dan Ling, (2005) pula mendapat bahawa pengalaman dengan multimedia dan pengaruh model peranan guru yang menggunakan multimedia di dalam bilik darjah membawa kepada sikap positif serta meningkatkan kemungkinan guru-guru berkenaan akan menggunakan multimedia di dalam bilik darjah. Sikap pendedahan guru dengan kursus-kursus multimedia juga mempunyai kaitan yang signifikan terhadap pembentukan sikap guru-guru untuk belajar (Tan Lay Hong & Peggy Leong, 2003). Kajian yang telah dijalankan oleh Mayer (1993) pula menunjukkan sikap positif dalam kalangan guru berhubung dengan tahap kebolehan menggunakan multimedia, di samping menghilangkan rasa bimbang terhadap penggunaan teknologi tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, beberapa kajian juju menunjukkan bahawa sikap kebimbangan terhadap multimedia tidak mempunyai hubungan yang signifikan (Havice, 1999).

### **Kerangka Konsep Kajian**

Keupayaan untuk meramal kadar kejayaan sesuatu program yang akan dilaksanakan bergantung kepada persiapan sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti yang terlibat secara langsung dengan kursus-kursus berkaitan. Ini sekali gus memaparkan bahawa sikap juga menggambarkan tahap golongan belia yang terlibat dengan sesuatu kursus telah didorong ke arah hasil pembelajaran. Sikap belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kajian ini adalah diasaskan kepada teori sikap yang telah dikemukakan oleh Fishbein dan Ajzen, (1975). iaitu komponen afektif; kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia yang disesuaikan dengan budaya pembelajaran di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kaedah tunjauan digunakan dalam kajian ini. Kaedah tinjauan berasaskan soal selidik dan temu bual disesuaikan daripada reka bentuk kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian yang berpandukan reka bentuk kuantitatif, kedua-dua analisis dilakukan, iaitu analisis deskriptif dan inferensi. Bagi kajian berdasarkan reka bentuk kualitatif pula, hanya analisis deskriptif dilaksanakan.

### ***Subjek dan Lokasi Kajian***

Subjek bagi kajian ini adalah terdiri daripada 500 orang belia universiti yang terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu yang berlokasi di dua buah universiti yang mendominasi penawaran kursus Pendidikan Bahasa Melayu, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Subjek kajian dipilih secara rawak bertujuan, masing-masing 250 orang belia universiti bagi setiap universiti berkenaan. Subjek bagi kajian ini ditentukan oleh pengkaji dengan berpandukan pengalaman belia universiti terbabit dalam pembelajaran, iaitu antara semester empat hingga semester lapan. Kesemua belia universiti yang dipilih juga telah dikenal pasti pernah mengikuti kursus multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Dalam melaksanakan kajian temu bual berdasarkan reka bentuk kualitatif, enam orang responden masing-masing daripada UPSI dan UPM telah dipilih secara rawak mudah. Setiap enam orang responden, masing-masing terdiri daripada tiga orang belia lelaki dan tiga orang perempuan dipilih untuk ditemu bual.

### ***Instrumen Kajian***

Bagi mengenal pasti sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu, instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Pembahagian soal selidik meliputi tiga bahagian, iaitu Bahagian A: Profil Responden; Bahagian B: Dimensi Sikap Kesukaan; dan Bahagian C: Dimensi Sikap Keyakinan.

#### **Domain Sikap Kesukaan**

<b>Bil.</b>	<b>Domain</b>
1.	Keselesaan Pembelajaran
2.	Kemahiran Manipulasi Maklumat
3.	Kemudahan Akses
4.	Kelestarian Pembelajaran
5.	Kewujudan Motivasi
6.	Kedinamikan Bahan
7.	Kefahaman Isi
8.	Kecenderungan Berfikir

#### **Domain Sikap Keyakinan**

<b>Bil.</b>	<b>Domain</b>
1.	Bahan Mesra Pengguna
2.	Bersifat Maya
3.	Input Maklumat Pelbagai
4.	Menarik Minat Belajar

5.	Variasi Teks, Grafik, Animasi dan Audio
6.	Terdapat Pautan
7.	Penggerak Kendiri
8.	Berpusatkan Bahan dan Masalah

Soal selidik yang mengandungi domain-domain di atas telah diubahsuaikan daripada kajian Hede dan Hede (2002) serta Al-Mikhlaifi (2006). Pengukuran soal selidik bagi kajian ini diasaskan kepada Skala Likert, iaitu 5 untuk Sangat Setuju (SS); 4 untuk Setuju (S); 3 untuk Tidak Pasti (TP); 2 untuk Tidak Setuju (TS); dan 1 untuk Sangat Tidak Setuju (STS).

Bagi mengenal pasti faktor-faktor belia universiti menunjukkan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu pula, instrumen yang digunakan ialah temu bual. Tiga verbatim utama yang dikenal pasti untuk penghimpunan pendapat berdasarkan temu bual telah diubahsuaikan daripada kajian Macaulay (2002). Ketiga-tiga verbatim adalah: (i) kemudahan penerimaan maklumat tentang ilmu pengetahuan menerusi pelbagai pendekatan; (ii) pemerolehan manfaat dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat tentang ilmu pengetahuan yang dipelajari; (iii) kebebasan untuk belajar mengikut perkembangan diri dengan melibatkan pemikiran kreatif, kritis dan dinamik.

## PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti. Prosedur ini membabitkan pentadbiran soal selidik, pengedaran soal selidik kepada belia universiti dan pengumpulan soal selidik daripada belia universiti yang terlibat sebagai responden. Prosedur ini dilaksanakan menerusi empat peringkat.

Dalam peringkat pertama, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada setiap belia universiti yang telah dipilih sebagai sampel di lokasi kajian. Subjek diberikan masa selama lima minit untuk mengisikan maklumat yang dikehendaki.

Dalam peringkat kedua, borang soal selidik diisikan oleh belia universiti di tempat kajian selama 15 minit, sambil dipantau oleh pengkaji. Pengisian soal selidik secara berpandu dan ini memudahkan belia universiti meyalurkan maklumat dan data yang diperlukan. Dalam peringkat ketiga, selepas pengisian maklumat dan pengemukaan data oleh belia universiti, pengkaji mengumpulkan semula semua borang soal selidik.

Dalam peringkat keempat pula, kesemua data kajian dikumpulkan dalam bentuk skor item sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti. Pelaksanaan berpandukan peringkat pengumpulan data sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus Bahasa Melayu

adalah sama untuk setiap lokasi kajian di kedua-dua universiti terlibat.

Bagi temu bual pula, seorang pembantu dipilih oleh pengkaji untuk menemubual enam orang responden, iaitu tiga orang daripada UPSI dan tiga orang daripada UPM. Temu bual dilakukan selama 10 minit bagi setiap responden. Temu bual dilakukan setelah semua responden selesai mengisi borang soal selidik.

### **PENGANALISISAN DATA**

Data yang dipungut berupa skor min sikap kesukaan dan keyakinan. Skor min sikap kesukaan dan keyakinan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 18.0. Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan demografi responden yang membabitkan jantina, manakala statistik inferensi untuk menguji hubungan dan hipotesis. Analisis Korelasi Pearson digunakan oleh pengkaji untuk menguji hubungan dan hipotesis.

Data kualitatif yang dipungut telah dianalisis dengan berdasarkan kod tema. Penentuan kod tema pendapat berdasarkan temu bual telah dilaksanakan dengan cara mengaitkannya pada tiga verbatim utama yang ditetapkan. Tiga kod verbatim yang ditetapkan ialah: (i) Kod Tema 1 - Kemudahan penerimaan maklumat tentang ilmu pengatahan menerusi pelbagai pendekatan; (ii) Kod Tema 2 - Pemerolehan manfaat dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat tentang ilmu pengetahuan yang dipelajari; (iii) Kod Tema 3 - Kebebasan untuk belajar mengikut perkembangan diri dengan melibatkan pemikiran kreatif, kritis dan dinamik.

### **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden berdasarkan taburan belia di kedua-dua buah universiti. Taburan dipaparkan dalam bentuk jumlah dan peratus.

**Jadual 1: Taburan jantina belia universiti.**

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah (n=500)</b>	<b>%</b>
UPSI	250	50
UPM	250	50
<b>Keseluruhan</b>	<b>500</b>	<b>100</b>

Jadual 1 memperlihatkan keseluruhan responden kajian yang membabitkan 500 orang belia universiti yang menjalani kursus multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bilangan belia UPSI adalah 250 orang (50%). Bilangan belia UPM juga adalah 250 orang (50%).

*Apakah skor min skor sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?*

Dalam kajian terhadap sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti, skor min dan sisihan piawai dikenal pasti. Skor min dan sisihan piawai, masing-masing bagi sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Skor min dan sisihan piawai sikap kesukaan dan keyakinan belia universiti.**

Dimensi	Min	(n=500)
		SP
Sikap Kesukaan	84.17	9.33
Sikap Keyakinan	85.13	9.11

SP = Sisihan Piawai

Dalam Jadual 2 tersebut, skor min sikap kesukaan adalah 84.17 (SP=9.33). Skor min sikap keyakinan pula adalah 85.13 (SP=9.11). Ini menunjukkan bahawa perbezaan antara min sikap kesukaan dengan min sikap keyakinan hanya 0.96.

*Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?*

Dalam kajian ini, analisis Korelasi Pearson telah digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu berpandukan skor min. Jadual 3 memaparkan hubungan antara skor min sikap kesukaan dengan skor min sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Hipotesis nol yang diuji ialah:

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu.

**Jadual 3: Hubungan antara skor min sikap kesukaan dengan skor min sikap keyakinan**

Korelasi	rs	Sig.
Sikap Kesukaan dengan		
Sikap Keyakinan	0.15	0.031*

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Analisis dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan analisis hubungan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti. Korelasi antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan memaparkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras  $p < 0.05$  dengan nilai  $r = 0.15$ . Oleh itu, hipotesis nol berkenaan ditolak.

***Mengapakah belia universiti menunjukkan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu?***

Temu bual memaparkan bahawa kesemua pendapat daripada keenam-enam responden berkait rapat dengan Kod Tema 2. Ini menunjukkan bahawa pemerolehan manfaat dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat tentang maklumat ilmu pengetahuan yang dipelajari telah dikenal pasti sebagai faktor tunggal.

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini disokong oleh Al-Mikhlaifi (2006) yang menghuraikan bahawa multimedia membantu pelajar dalam pemerolehan bahasa menerusi penyemaian sikap kesukaan dan keyakinan terhadap usaha menaakul bahan-bahan pembelajaran untuk dihubungkan dengan pengetahuan baharu dan pengetahuan yang lepas yang dipelajari. Menurut Flecther (2003), pelajar yang mempunyai domain pengetahuan yang mantap sebenarnya memiliki sikap kesukaan dan keyakinan yang tinggi, selain terus berusaha untuk belajar dengan bantuan bahan-bahan berdasarkan multimedia (Fishbein & Ajzen, 1975). Hal ini demikian kerana pelajar mempunyai sumber yang kaya dengan pengetahuan lepas yang boleh dihubungkan terus dengan pengetahuan yang baharu (Havice, 1999).

Signifikannya hubungan antara sikap kesukaan dan keyakinan pelajar juga ditinjau kepada langkah pelajar untuk mengemaskin maklumat pengetahuan yang penting dan perlu difokuskan. Ini selari dengan dapatan kajian Havice (1999) yang menunjukkan bahawa pelajar mengintegrasikan sikap kesukaan dan keyakinan terhadap bahan digital dalam memfokuskan perhatian kepada maklumat-maklumat semasa untuk dikaitkan dengan pengetahuan yang baharu. Kesignifikanan kajian ini turut diselaraskan oleh kajian Macaulay (2002). Menurut Macaulay, pengajaran dan pembelajaran berdasarkan komputer adalah bersesuaian kerana: (i) elemen multimedia yang interaktif berupaya menjana sikap dalam kalangan pelajar; (ii) paparan antara muka pada skrin komputer mempunyai daya tarikan intelek untuk merangsang sikap dan pemikiran kalangan pelajar; dan (iii) komputer mempunyai pelbagai format media untuk mempersembahkan sesuatu maklumat dalam menarik sikap bermintat dalam kalangan pelajar. Banyak pendidik melihat bahawa sikap terhadap penggunaan multimedia adalah sebahagian daripada penyesuaian kombinasi sumber teknologi yang melibatkan elemen teks, grafik, animasi, video, bunyi, sistem pengajaran dan sistem sokongan berdasarkan komputer (Neo & Rafi, 2007).

Pembelajaran yang menyeronokkan adalah sangat penting bagi pelajar untuk menyemaikan sikap yang pelbagai dalam pembelajaran berdasarkan

multimedia (Fletcher, 2003). Pembelajaran yang menyeronokkan mampu menjadikan pelajar lebih bersikap suka, yakin dan optimis untuk terus belajar dengan cara atau gaya pembelajaran mereka sendiri (Tan Lay Hong & Peggy Leong 2003). Asasnya adalah daripada penggunaan gambar, animasi dan bunyi membantu pelajar untuk mempelajari pengetahuan yang baharu (Mayer & Sims, 1994) yang dapat memanfaatkan belia dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat tentang maklumat ilmu pengetahuan dalam pembelajaran. Daripada unsur mudah mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula maklumat tentang ilmu pengetahuan, proses pembelajaran berasaskan multimedia dapat membantu belia pelajar untuk bersikap lebih positif; suka, yakin dan bermotivasi (Bagui, 1998).

Tegasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kesukaan dengan sikap keyakinan belia universiti terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus pendidikan Bahasa Melayu. Daripada paparan hasil kajian ini juga, belia universiti terus terangsang untuk terus menggunakan multimedia dalam pembelajaran, selain menilai kefahaman tentang peningkatan pengetahuan.

Jelasnya, kajian sikap kesukaan dan keyakinan terhadap penggunaan multimedia wajar diketengahkan bagi melihat impaknya dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti. Kajian ini juga boleh dijadikan kelangsungan untuk meninjau sikap-sikap lain terhadap penggunaan multimedia dalam kursus-kursus yang seumpamanya yang dialami di universiti. Penghayatan daripada kajian ini dapat meneliti corak sikap yang lebih konsisten dan bersifat bestari.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Mikhafi, A.G. 2006. Effectiveness of interactive multimedia environment on language acquisition skills of 6th grade students in the United Arab Emirates. *International Journal Media*. 33 (4): 427-441.
- Bagui, S. 1998. Reasons for increased learning using multimedia. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*. 7 (1): 3-18.
- Batsche, C. 1985. *The High School Drop Out: Vocational Education Can Help*. Normal, IL: Illinois State University.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. 1975. *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Fletcher, J.D. 2003. Evidence for Learning From Technology Assisted Instruction. In H.F. O'Neil, Jr. and R.S. Perez (Eds.). *Technology Applications in Education: A Learning View* (pp. 79-99). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates. Glossary of Terms, <http://www.neiu.edu/~dbehrlic/hrd408/glossary.htm>.

- Havice, W.L. 1999. College students' attitudes toward oral lectures and intergrated media presentations. *Journal of Technology Studies*. XXV (1): 51-56.
- Hede, T. & Hede, A. 2002. An integrated model of multimedia effects on learning. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*. 11 (2): 177-191.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir 2003. *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Kuala Lumpur: AG Grafik Sdn. Bhd.
- Macaulay, M. 2002. Embedding computer based learning with learning aids: A preliminary study. *International Journal of Instructional Media*. 29 (3): 305-315.
- Mayer, R.E. 1993. Illustration That Instruct. In R. Galsser (Ed.). *Advances in Instructional Psychology* (pp. 253-284). Hollsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Mayer, R.E. 2002. Multimedia Learning, <http://teachpsych.lemoyne.edu/techpsych/dir/docs/classcommmultimedia.ftf>.
- Mayer, R. E. & Sims, V. K. 1994. For whom is a picture worth a thousand words? Extension of a Dual-Coding theory of multimedia learning. *Journal of Educational Psychology*. 86(3): 389-401.
- Neo, M. & Rafi, A. 2007. Designing interactive multimedia curricula to enhance teaching and learning in the Malaysian classroom-from teacher-led to student-centered experiences. *International Journal of Instructional Media*. 34(1): 51-59.
- Shiung, T.K. & Ling, W.Y. 2005. Penggunaan ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT dan Kekangan atau Cabaran Penggunaan ICT. Kertas dibentangkan dalam Seminar Pendidikan 2005, Johor. Okt 2005.
- Tan Lay Hong & Peggy Leong 2003. Professional Development of ITE Teachers Through Learning Circles. Paper presented at Teachers Education Institute 2003 Conference, Arizona. Feb. 2003.
- Zaidatol Akmaliah 2005. Pengenalan. Dalam Zaidatol Akmaliah dan Foo Say Fooi. Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko (hlmn. 1-4). Serdang: UPM.

### ***Profil Penulis***

*Dr. Adenan Ayob,  
Pensyarah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
adenan@fbk.upsi.edu.my*